



22 MAR, 2024

1,450 televisyen android diikrar sebagai marmar dirampas

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

1,450 televisyen android diikrar sebagai marmar dirampas

KUALA LUMPUR – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit I (Kuala Lumpur) merampas 1,450 televisyen atau Android TV bernilai RM700,000 dalam satu operasi pada 16 Februari lalu.

Ia susulan tindakan penyeludup mengikrarkan barangan tersebut sebagai batu marmar bagi mengelak membayar cukai yang berlebihan.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan dilakukan selepas pihaknya memeriksa sebuah kontena bersaiz 40 kaki di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang.

“Semakan mendapati, kontena tersebut adalah cubaan membawa masuk barangan elektronik berupa televisyen android yang disyaki tidak berkastam.

“Kita mengesyaki barangan ini akan dipasarkan di secara dalam talian di dalam negara dan dijual pada harga rendah,” katanya pada sidang akhbar di Kompleks JKDM Zon Tengah, di sini semalam.

Tambah Norlela, pemeriksaan terhadap kontena berjaya menemui 1,450 unit televisyen android dan skrin monitor tidak berkastam bernilai RM450,000.



NORLELA (kiri) menunjukkan televisyen android yang dirampas pada sidang akhbar di Kompleks JKDM Zon Tengah, Kuala Lumpur semalam.



22 MAR, 2024

1,450 televisyen android diikrar sebagai marmar dirampas

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit I (Kuala Lumpur) merampas 1,450 televisyen atau Android TV bernilai RM700.000 dalam satu operasi pada 16 Februari lalu. Ia susulan tindakan penyeludup mengikrarkan barangan tersebut sebagai batu marmar bagi mengelak membayar cukai yang berlebihan.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan dilakukan selepas pihaknya memeriksa sebuah kontena bersaiz 40 kaki di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang.